



## NOTIS PRIVASI

### AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010

Berkuatkuasa pada: 7hb Januari 2015; Terakhir dikemaskini pada: 1hb Julai 2024

#### **PENGENALAN**

Yayasan Hijrah Selangor (“YHS”) mengambil berat tentang perlindungan data peribadi anda. Notis ini menjelaskan cara YHS, termasuk cawangan-cawangannya (secara kolektif “kami”) memproses data peribadi anda bermula daripada pengumpulan, penggunaan, perkongsian dan pemusnahan serta langkah keselamatan yang kami ambil untuk memastikan data peribadi anda dilindungi sebaiknya.

#### **PENGUMPULAN DATA PERIBADI**

Kami mengumpul data peribadi anda seperti:

- Butiran anda seperti nama, kad pengenalan atau nombor pasport, jantina, kewarganegaraan, tarikh lahir, umur, bangsa, status perkahwinan, alamat, e-mel, nombor telefon dan nombor akaun.
- Butiran pekerjaan anda seperti nama majikan, jawatan, skop pekerjaan atau pendapatan.
- Butiran rujukan atau penjamin atau data peribadi lain yang mungkin diperlukan sebagai tambahan apabila anda berurusan dengan kami.

#### **SUMBER PENGUMPULAN DATA PERIBADI**

Kami mendapatkan data peribadi anda daripada:

- Permohonan secara atas talian di laman sesawang <https://mikrocredit.selangor.gov.my/>
- Tinjauan, peraduan dan promosi, media sosial seperti Facebook, Instagram dan Cookies.
- Agensi Pelaporan Kredit di Malaysia yang menyediakan perkhidmatan laporan kredit seperti CTOS dan Credit Bureau Malaysia Sdn Bhd (“CBM”).

## **TUJUAN PENGUMPULAN DATA PERIBADI**

Kami mengumpul data peribadi anda untuk:

- Menyediakan perkhidmatan yang telah anda mohon atau untuk memproses sebarang permohonan, pertanyaan atau komunikasi daripada kami kepada anda.
- Penghantaran sebarang dokumen ke alamat dan lokasi keinginan anda.
- Memaklumkan anda tentang sebarang perkhidmatan, tawaran atau promosi yang kami atau rakan kongsi perniagaan kami telah pilih dan percaya akan menarik minat anda (hanya dengan persetujuan anda).
- Mengesahkan keadaan kewangan anda melalui rujukan atau semakan kredit untuk pelaporan atau untuk sebarang audit, undang-undang, pematuhan dan tujuan penilaian risiko.
- Mencegah penipuan, meningkatkan kualiti perkhidmatan dan produk kami.

## **BAGAIMANA DATA PERIBADI DIPROSES**

Kami memproses data peribadi anda di dalam dan di luar Malaysia dan anda dengan ini memberikan persetujuan anda terhadap pemindahan tersebut.

## **PENZAHIRAN DATA PERIBADI**

Kami akan menzahirkan data peribadi anda kepada:

- Pihak kurier yang dilantik untuk menghantar dokumen anda.
- Pihak berkuasa untuk tujuan perundangan atau kawal selia.
- Pihak syarikat takaful sekiranya terdapat permohonan perlindungan takaful.
- Kepada penjamin anda (sekiranya berkaitan).
- Kepada cawangan-cawangan YHS, rakan-rakan perniagaan dan penyedia perkhidmatan kami.
- Kepada agensi pelaporan kredit, bank, penasihat kewangan dan profesional kami.
- Mana-mana pihak ketiga yang diminta atau dibenarkan oleh anda untuk sebarang tujuan.

Sila ambil maklum bahawa anda bertanggungjawab untuk memastikan data yang anda berikan adalah tepat, lengkap dan tidak mengelirukan serta data tersebut dikemas kini bagi tujuan data tersebut dikumpul dan diproses sama ada secara langsung atau tidak langsung. Untuk mengelakkan keraguan, kami dan/atau kakitangan kami atau pegawai atau ejen yang diberi kebenaran tidak akan bertanggungjawab terhadap mana-mana data yang dikemukakan oleh anda yang tidak tepat, mengelirukan, tidak lengkap dan tidak dikemas kini.

## **LANGKAH KESELAMATAN**

Kami mengambil langkah-langkah berikut untuk melindungi data peribadi anda:

- Memastikan data peribadi anda disimpan dengan sebaiknya mengikut kehendak Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709).
- Memastikan kakitangan kami tidak menyalahgunakan data peribadi anda.

Walaupun, anda bertanggungjawab untuk menjaga kata laluan anda dengan baik dan tidak menzahirkannya kepada pihak lain bagi mengelakkan risiko pencerobohan terhadap data peribadi anda atau bagi mengelakkan risiko data peribadi anda disalahgunakan.

## **TEMPOH PENYIMPANAN DATA PERIBADI**

Kami akan menyimpan data peribadi anda selama tujuh (7) tahun atau selagi anda menjadi pelanggan kami. Sekiranya anda bukan lagi pelanggan kami, kami akan memadamkan data peribadi anda secara keseluruhan selepas tempoh penyimpanan yang dinyatakan.

## **HAK ANDA**

Anda berhak untuk:

- Membetulkan atau mengemaskini data peribadi anda di laman sesawang kami di <https://mikrokredit.selangor.gov.my/> atau menghubungi kami di +603-5523 3611.
- Mengakses data peribadi anda yang kami proses dan simpan.
- Menghentikan mana-mana promosi perkhidmatan baru, tawaran atau apa-apa promosi kami kepada anda.
- Menarik balik kebenaran memproses data peribadi anda dengan menghubungi kami di [admin@hijrahselangor.com](mailto:admin@hijrahselangor.com).

Walaupun, sila ambil maklum bahawa penarikan balik kebenaran memproses data peribadi anda boleh menjejaskan perkhidmatan yang diberikan oleh kami kepada anda. Dalam keadaan ini, kami mempunyai hak untuk tidak menyediakan atau berhenti menyediakan mana-mana produk, perkhidmatan, akaun dan/atau kemudahan yang dikaitkan dengan maklumat tersebut dengan memberikan notis kepada anda.

## **HUBUNGI KAMI**

Anda boleh menghubungi kami atau mengemukakan pertanyaan atau aduan berkenaan dengan pemrosesan data peribadi anda melalui:

Shaharuddin bin Yacob

Ketua Pembangunan Perniagaan - Ibu Pejabat Hijrah Selangor, Aras 4, Kompleks Generasi Muda & Sukan Negeri Selangor, Lot 4, Jalan Platinum 7/52, Seksyen 7, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

Tel.: +603-5523 3611; Faks: +603-5510 1349; Emel: [admin@hijrahselangor.com](mailto:admin@hijrahselangor.com)



## PRIVACY NOTICE

### PERSONAL DATA PROTECTION ACT 2010

Effective date: 7<sup>th</sup> January 2015; Last reviewed: 1<sup>st</sup> July 2024

#### **INTRODUCTION**

Yayasan Hijrah Selangor (YHS) care about your personal data protection. This notice clarifies how YHS, including its branches (collectively “our”, “us” or “we”) processes your data from the point we collect, use, share, dispose of and the security measure that we established to ensure your personal data is well protected.

#### **COLLECTION OF PERSONAL DATA**

We collect your personal data which range from:

- Your details such as name, identity card or passport number, gender, nationality, date of birth, age, race, marital status, address, email, telephone number and account number.
- Your details of employment such as name of your employer, your position, scope of employment or income.
- Details of your referee or guarantor or other personal data that may be required in addition when you deal with us.

#### **SOURCE OF PERSONAL DATA COLLECTION**

We gather your personal data from:

- Online application on our website <https://mikrokredit.selangor.gov.my/>
- Surveys, contests and promotions, social media such as Facebook, Instagram and Cookies.
- Credit Reporting Agency in Malaysia that provides credit reporting services such as CTOS and Credit Bureau Malaysia Sdn Bhd (“CBM”).

#### **REASON FOR PERSONAL DATA COLLECTION**

We collect your personal data to:

- Provide you the services you have requested or to process any requests, inquiries or any communication from us to you.
- Deliver any documents to your desired address and locations.
- Inform you of any services, offers or promotions that we or our business partners have selected and believe will be of interest to you (only with your consent).
- Verify your financial condition through credit reference or review for reporting or for any audit, legal, compliance and risk assessment purposes.
- To prevent fraud, improve the quality of our services and products.

### **PROCESSING OF PERSONAL DATA**

We process your personal data in and outside Malaysia and you hereby give your consent to the said transfer.

### **DISCLOSURE OF PERSONAL DATA**

We disclose your personal data to:

- The appointed courier to deliver your documents.
- The authority for legal or regulatory purposes.
- The takaful company if there is an application for takaful protection.
- To your guarantor (if applicable).
- To our branches, business partners and service providers.
- To credit reporting agencies, banks, our financial and professional advisors.
- Any such third party requested or authorised by you for any purposes.

Take notice that you are responsible to ensure that the data you provide is accurate, complete and not misleading and that such data is kept up to date for the purpose whether directly or indirectly for which the data was collected and further processed. For avoidance of doubt, we and/or our employees or authorized officers or agents will not be responsible for any data submitted by you to us that is inaccurate, misleading, incomplete and not updated.

### **SECURITY MEASURE**

We take these measures to protect your personal data:

- By ensuring your personal data is kept as required by the Personal Data Protection Act 2010 (Act 709).
- By ensuring our staffs not to misuse your personal data.

Nevertheless, you are responsible to ensure the security of your password and not to disclose it to another party to avoid the breach of your personal data or to avoid the risk of your personal data being misused.

### **PERSONAL DATA RETENTION PERIOD**

We will retain your personal data for seven (7) years or as long as you become our customer. If you are no longer our customer, we will permanently delete your personal data after the retention period above.

### **YOUR RIGHTS**

You have the right to:

- Correct or update your personal data at our website <https://mikrocredit.selangor.gov.my/> or contact us at +603- 5523 3611.
- Access your personal data which we process and keep with us.
- Stop any of our new promotional services, offers or promotions to you.
- Withdraw your consent to process your personal data by contacting us at [admin@hijrahselangor.com](mailto:admin@hijrahselangor.com)

However, take notice that withdrawing your consent to process your personal data may affect the services we provide to you. In such a case, we reserve the right to not provide or to cease providing you any products, services, accounts, and/or facilities associated with the said information by giving you notice.

### **CONTACT US**

You can contact us or submit your inquiry or complaint regarding the processing of your personal data at:

Shaharuddin bin Yacob

Ketua Pembangunan Perniagaan - Ibu Pejabat Hijrah Selangor, Aras 4, Kompleks Generasi Muda & Sukan Negeri Selangor, Lot 4, Jalan Platinum 7/52, Seksyen 7, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

Tel.: +603-5523 3611; Fax: +603-5510 1349; Email: [admin@hijrahselangor.com](mailto:admin@hijrahselangor.com)